

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BACA AMAL 1990
Lokasi : HOTEL MING COURT, KUALA LUMPUR
Tarikh : 16-01-1991

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Yang Berusaha Puan Mariam Abdul Kadir, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia; Mr. Andrew Norris, Deputy Director The British Council; Y.Bhg. Dato' Lim Kok Wing, Pengerusi Persatuan Terencat Akal Selangor dan Wilayah Persekutuan; Tuan-tuan, puan-puan dan kanak-kanak sekalian.

Saya rasa bersyukur kerana dapat bersama puan-puan dan tuan-tuan serta anak-anak sekalian pada hari ini sempena Majlis Penyampaian Hadiah dan Cek Baca Amal 1990. Sebagai penaung kepada kempen yang telah berjalan selama lebih daripada sebulan ini saya gembira ianya telah mendapat kejayaan, dan mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada British Council yang telah membiayai projek ini dan menganjurkan bersama Perpustakaan Negara Malaysia. Sepanjang pengetahuan saya inilah julung-julung kalinya kempen seperti ini diadakan di negara kita.

Pengemblengan tenaga antara British Council dan Perpustakaan Negara Malaysia saya harap dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang demi faedah masyarakat dan negara.

2. Kempen projek baca amal ini kena pada masanya dan kehendak serta aspirasi negara untuk membentuk suatu masyarakat yang membaca, berilmu serta penyayang dan bertimbang rasa, iaitu 'a reading society and a caring society'. Boleh dikatakan bahawa projek anjuran British Council dan Perpustakaan Negara ini adalah sebagai titik permulaan untuk membina masyarakat seperti yang kita idamkan, oleh sebab ianya melibatkan anak-anak dari umur 12 tahun ke bawah yang bakal mewarisi negara ini di masa depan.

3. Penghargaan yang paling tinggi patut saya berikan kepada kanak-kanak yang telah mendaftar dalam kempen ini.

Mereka telah menghabiskan masa cuti sekolah untuk membaca iaitu satu amalan yang sangat baik. Melalui penyertaan dan usaha gigih mereka untuk membaca dan mendapatkan derma untuk rakan-rakan mereka yang tidak bernasib baik, mereka telah berjaya menyebarkan dan menggalakkan ahli-ahli keluarga mereka untuk bersama-sama melakukan amal kebajikan. Saya juga mengucapkan tahniah kepada anak-anak yang telah berjaya membaca buku paling banyak dan kutipan wang yang paling banyak.

4. Saya berpendapat kempen seperti ini haruslah diteruskan pada tahun-tahun akan datang, diperluaskan ke seluruh negara dan tidak terhad kepada perpustakaan tetapi meliputi sekolah-sekolah juga. Dengan ini lebih ramai lagi kanak-kanak akan terlibat dalam kempen membaca dan berbakti kepada masyarakat. Dengan ini sumbangan yang diterima mungkin akan lebih banyak lagi dan boleh dimanfaatkan kepada lebih banyak lagi institusi bagi kanak-kanak yang kurang bernasib baik.

5. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur Projek Baca Amal 1990 kerana menjemput saya dan menyampaikan ucapan di Majlis Penyampaian Hadiah Baca Amal 1990 ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.